





# PAK SA H

MANUSIA ROLLING STONE YANG LUARBIASA

KUMPULAN PIDATO DAN RENCANA SEMPENA  
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT  
DOKTOR KESUSAESTERAAN KEPADA  
ISHAK HAJI MUHAMMAD

TEEEEB

**93337**

M

959 9923

16H

- 3 OCT 1978  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

Buku ini disusun dari fail simpanan Ishak Haji Muhammad sendiri dan adalah suatu usaha dari Utusan Melayu (Malaysia) Berhad untuk memperingati jasa beliau. Hakcipta 1973 oleh Ishak Haji Muhammad. Memetik dan menyiaran sebahagian atau keseluruhan kandungan buku ini adalah dilarang kecuali dengan izin bertulis dari Penerbit.

*Cetakan pertama ..... 1973*

Penerbit ingin mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Universiti Malaya kerana kebenaran memetik ucapan Encik Khoo Kay Kim, dan juga kepada Adi Mas dan Malungun kerana ihsan rencana masing-masing.



UTUSAN  
MELAYU

Dicetak dan diterbitkan oleh  
Utusan Melayu (Malaysia) Berhad,  
46M, Jalan Chan Sow Lin,  
Kuala Lumpur.

Harga \$1.80



## ISI KANDUNGAN

### *Mukasurat*

Insan "Rolling Stone" Yang Meng-kagumkan	...	...	...	...	...	1
Bahasa Keris, Bahasa Serampang	...					7
Suka Duka Pak Sako Dalam Tahanan						17
Surat-Surat Tahniah	...	...	...	...		26
Cinta Orang Tua	...	...	...	...		35
Pak Sako Dengan Kanak-Kanak	...					43



Saat yang penuh kegembiraan dan keharuan bagi Pak Sako ialah ketika Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Permaisuri Agung, selaku Canselor Universiti Malaya, mengisyitiharkan ijazah kehormat Doktor Kesusasteraan kepadanya.

## INSAN "ROLLING STONE" YANG MENGAGUMKAN\*

PADA 10hb November 1910 di Kampung Saguntang, Temerloh, Negeri Pahang — negeri yang berbangga kerana Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau — terlahir seorang anak yang kemudian muncul sebagai gergasi di bidang kesusasteraan Melayu.

Riwayat hidup insan ini sungguh mengagumkan. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah, majistret, guru dan wartawan, beliau juga seorang ahli sejarah, pujangga, ahli politik dan pengkritik sosial.

Pada tahun 1944, ketika berkhidmat sebagai Ketua Pengarang akhbar Berita Malai, beliau tiba-tiba meletakkan 'gagang penanya' untuk memegang 'tangkai cangkul' di Pulau Bintan. Pada 1960an, beliau bekerja sebagai penulis sekrip di Filem Negara Malaysia dan pada 1970an, beliau akan memberi syarahan di universiti.

Siapakah yang lebih berpengalaman daripada Ishak bin Haji Muhammad? Mereka yang agak sinis mungkin akan mengecap beliau sebagai "rolling stone" dan sebagaimana kita diberitahu,

\* Pidato Penghargaan Lulusan Kehormat Doktor Ishak Haji Muhammad untuk Ijazah Kehormatan Doktor Kesusasteraan, diucapkan oleh Pemidatu Umum, Encik Khoo Kay Kim di istiadat Konvokesyen, Universiti Malaya, 29 Jun, 1973.

"a rolling stone gathers no moss". Tetapi sahut Ishak Haji Muhammad, "Who wants to gather moss?"

Itulah dia falsafah hidup seorang Bohemian, pujaan ramai sasterawan muda di negara ini.

Sungguh anih manusia ini. Buah kalamnya tidak terbilang; kebolehannya bukan kepalang; pengorbanannya amat cemerlang dan perjuangannya gilang gemilang.

Beliau seorang perintis. Yang pertama sekali lulus peperiksaan Senior Cambridge dengan Gred I di Negeri Pahang ialah Ishak Haji Muhammad. Yang memulakan tradisi mengahwinkan perkataan, misalnya, kereta api jadi keretapi ialah Ishak Haji Muhammad.

Yang mula-mula sekali meringankan kata-kata Melayu dalam tulisan Jawi dengan menggugurkan huruf 'h' dalam perkataan seperti 'ubat', 'udang' dan 'ejaan' juga Ishak Haji Muhammad.

Kerjaya beliau mulai berkedip-kedip laksana bintang apabila beliau berkecimpung dalam lapangan pesuratan dan persuratkhabaran pada penghujung 1930an. Novel sulungnya, Putera Gunung Tahan dilahirkan pada tahun 1937. Pada bulan September tahun itu juga, beliau bernikah dengan kewartawanan.

Dunia tidak sekali-kali masygul untuk Ishak Haji Muhammad. Ketika beliau ingin keluar daripada Warta Malaya, pada bulan Mac 1939, beliau hanya perlu menyatakan hasratnya untuk berkhidmat dengan Utusan Melayu.

Tetapi dalam suratnya meletakkan jawatan, beliau menemberang — katanya, beliau perlu memberhentikan kerja kerana rindukan kampung

halaman di Pahang — ingin mendengar burung-burung menyanyi dengan lepas bebas, ingin melihat air jernih mengalir di sungai, melihat hijau rumput rampai di hutan rimba.

Kecenderungan untuk berkelakar sentiasa timbul dalam karya-karya beliau walau bagaimana siruspun tema tulisannya. Kadangkala gurau senda disampaikan dalam bentuk pantun. Dalam sebuah cerpen tahun 1938, Ishak Haji Muhammad mengurat melalui watak utamanya:

*Kalau tuan pergi mandi  
Baldi suasa saya bawakan;  
Kalau tuan mencari laki  
Cari yang muda baharulah padan.*

*Sudah lengkuas digiling-giling  
Ikan tenggiri dimasak senggang;  
Telah puas ku pusing keliling  
Baharu dijumpai, tetapi hak orang.*

Dalam sebuah cerpen lain, beliau berpantun:

*Anak ikan dipanggang sahaja  
Hendak dipindang tidak berkunyit;  
Anak orang dipandang sahaja  
Hendak dipinang tidak berduit.*

Jawab Si heroin:

*Kenapa mesti dipindang berkunyit  
Masak senggang bukankah sedap;  
Mengapa dicari yang pandang duit  
Yang percuma dah ada mengadap.*

Dan ada kalanya watak-watak dalam ceritanya diberi nama yang bukan-bukan seperti Tong Sam Pah.

Begitulah tulisan Ishak Haji Muhammad, nakal sedikit semberono sedikit. Akan tetapi yang paling mustahak sekali, Ishak Haji Muhammad tidak membenarkan kepahitan hidup menyiksa jiwanya.

Beliau rela ketawa dan humour adalah bunga melati yang mengharumi dan menghiasi karya-karya Ishak Haji Muhammad. Tanpa humour kebanyakan tulisan Ishak Haji Muhammad memang terlampau berat kerana, pada dasarnya, beliau adalah seorang pejuang politik. Beliau menulis terutama sekali untuk reform; hiburan adalah tujuan yang kedua.

Tetapi tidak seperti ahli politik yang biasanya berkeras kaku, Ishak Haji Muhammad seorang sentimentalis, suka kembali ke zaman yang lampau, mengagung-agungkan pahlawan dahulukala dan mengidealikan kehidupan di desa yang bersih, asli, tidak dirosakkan oleh arus perubahan yang pada anggapan Ishak Haji Muhammad memang dibawakan oleh kuasa penjajah.

Beliau mementingkan kemurnian bangsa dan sentiasa berkubang dalam kebudayaan sejati dengan penuh kegembiraan. Sifat-sifat itu wujud dengan ketara dalam karya-karya Ishak Haji Muhammad.

Bagaimanakah sumbangan beliau kepada kesusastraan kebangsaan? Ishak Haji Muhammad sesungguhnya seorang sasterawan yang kontroversial — ada yang mencemuhkan usaha beliau dan ada yang mendewa-dewakan beliau.

Timbulnya kontroversi tentang tulisan Ishak Haji Muhammad dengan sendirinya memperlihatkan kejayaan beliau untuk menarik perhatian peminat sastera. Karya-karya sastera memang sepatutnya dibaca dan ditaksirkan dalam konteks

yang tertentu.

Ishak Haji Muhammad bukan seorang sasterawan yang mengutamakan kesenian semata-mata dan walaupun beliau suka berkelakar, pokok persoalan tulisannya amat serius. Karya-karyanya merupakan salah satu daripada beberapa jenis yang terdapat dalam sejarah kesusastraan kebangsaan kita. Jenis khas itu berkembang dengan suburnya sebelum Perang Dunia II dan selama beberapa tahun sesudahnya. Alam sekitar yang melahirkan jenis tulisan itu.

Kerana orang Melayu menghadapi masaalah sosial-ekonomi yang berat, maka dalam surat-khabar, dalam majalah, soal itu sentiasa dibangkitkan. Ishak Haji Muhammad adalah di antara suatu jenerasi penulis yang cuba menyuarakan azab sengsara dan protes zaman itu melalui sastera. Seperti semua penulis jenerasi itu, karya-karya Ishak Haji Muhammad memang didaktik dan idealis, bagi jenerasi sekarang mungkin kurang realistik.

Tetapi harus diingati beliau menulis untuk rakyat dan beliau popular di kalangan rakyat sehingga kanak-kanak di kampung pun suka berkumpul di sekeliling Ishak Haji Muhammad kerana beliau memang seorang pencerita yang tiada tolok bandingnya.

Beliaulah pengarang zaman tiga puluhan dan empat puluhan yang paling banyak sekali hasilnya. Lebih daripada itu, dalam tulisan beliau sahajalah terdapat suatu perpaduan halus di antara tangisan dengan girangan, propaganda dengan asmara. Maka Ishak Haji Muhammad sendiri pernah menulis dalam sebuah sajak tiga tahun dahulu:

*Dalam kilat ada kilau  
Dalam tengkujuh ada kemarau  
Dalam merah ada hijau  
Dalam nyaring ada garau  
Dalam serak ada parau*

*Ada puyuh ada pikau  
Burung murai pandai berkicau  
Dalam tebu ada teberau  
Dalam masjid ada surau.*

Kesusasteraan Melayu moden mulai berbunga selepas Perang Dunia I. Pada dasarnya, karya zaman itu bercorak protes. Tradisi itu mencapai kemuncaknya menjelang Perang Dunia II. Setakat tahap perkembangan itu.

Ishak Haji Muhammad muncul sebagai penulis yang paling berjaya sekali menawan hati para pembaca sehingga beliau menjadi lambang zaman itu. Maka dalam sebarang kajian tentang kesusasteraan kebangsaan kita, Ishak Haji Muhammad sudah tentu akan diperuntukkan suatu tempat yang tetap, luhur dan mulia.

## **BAHASA KERIS, BAHASA SERAMPANG\***

APABILA kita berkata: Bahasa Jiwa Bangsa dan Bahasa Menunjukkan Bangsa, maka apakah yang sebenarnya kita maksudkan dengan kata-kata yang banyak dan dalam maknanya itu?

Melainkan kita sekarang menerangkan dan mentafsirkan kata-kata yang simbolik itu dengan cukup jelas, supaya kata-kata itu boleh difaham dengan mudah oleh sekalian rakyat Malaysia, dan juga oleh rakyat dalam negeri-negeri yang berjiran dengan kita, maka kesaktian kata-kata itu akan turun darjah dan mutunya, menjadi cogankata-cogankata sahaja, yang hanya mampu meniupkan semangat perkauman semata-mata, ataupun, yang mungkin lebih celaka, kata-kata itu, dengan tiada sengaja atau sebaiknya, akan menimbulkan perasaan-perasaan tegang perkauman yang tiada sihat, tetapi boleh dielakkan.

Oleh yang demikian, patutlah ditanyakan sekarang; apakah tanda-tanda dan di manakah contoh tauladan yang menunjukkan bahawa Bahasa Malaysia adalah Jiwa Bangsa Malaysia ataupun Bahasa Malaysia Menunjukkan Bangsa Malaysia atau Rakyat Malaysia?

Sesuai dengan tujuan-tujuan kita hendak

\*Ucapan Konvokesyen oleh Doktor Ishak Haji Muhammad,  
Doktor Kesusastraan, Universiti Malaya, Jumaat 29 Jun, 1973.



Masih muda dan penuh tenaga dalam usianya 64 tahun, Pak Sako sentiasa memeriahkan majlis jamuan dan tarian semua golongan. Dalam gambar di atas beliau kelihatan bersemangat sekali menari 'soul' dengan seorang gadis dalam satu majlis yang diadakan khusus untuk meraikaninya.

menegakkan sebuah negara dan bangsa yang bersatu-padu, yang aman damai, maju dan bahagia, dan juga untuk mengisi cita-cita mulia yang terkandung dalam RUKUNEGARA, maka izinkanlah patik berkata sepatah dua mengenai perkara ini, yang pada pendapat patik, adalah sangat mustahak.

Bahasa Melayu, istimewa dalam bentuk-bentuknya yang klasik, bukanlah suatu bahasa yang mudah boleh difaham, atau dinikmati sepenuh-penuhnya.

Seperti bahasa-bahasa yang agung dalam dunia, maka Bahasa Melayu tidak pernah bersifat mudah, lurus, tumpul atau kering.

Dan ia tidaklah sayugia dibiarkan menjadi demikian, sekiranya ia hendak kekal menjadi suatu bahasa yang berguna, lagi indah, dengan kata-kata kiasan, kata-kata sindiran yang tajam, kesamaran-kesamarannya yang disengajakan, tikamannya yang menjadi renungan dan ketajamannya yang sangat halus, yang bertujuan bukan untuk menyakitkan, tetapi sebagai ubat dan penawar.

Andaikata, jika terjadi sebaliknya, oleh kerana ia tidak dipelihara dengan cukup baik dan dimajukan dengan sebaik-baiknya, ia bertukar menjadi suatu bahasa yang kasar, yang payah hendak difahami, dengan perkataan-perkataan baru yang entah apa makna dan maksudnya, dengan istilah-istilah yang lintang-pukang, maka ia mungkin tiada akan berupaya berkhidmat sebagai satu alat yang sangat penting untuk menciptakan suasana sefahaman yang aman damai, untuk menyemai perpaduan yang erat, untuk mengasuh semangat dan perasaan persaudaraan, kasih sayang dan kebahagiaan yang sejati, di antara berbagai-bagai

kaum dalam negeri kita ini, dan juga dalam negeri-negeri di Tenggara Asia yang kini kita gelar NUSANTARA.

Kiranya hendak berbahasa Melayu yang betul, dan dengan sopan-santun, yang sangat digemari dan dihargai oleh Bangsa Melayu, maka seseorang itu eloklah diingatkan supaya jangan menggunakan Bahasa Melayu yang kasar, yang melulu, yang lazimnya kita namakan 'Bahasa Pasar'.....

Bangsa Melayu yang bersopan-santun, yang halus budibahasanya, apabila melihat seorang anak menangis, tiada akan berkata: 'hai, budak ni menangis', tetapi mereka akan berkata: 'amboi, lebatnya hujan'.

Dan sepatutnya seorang pemuda tiada akan dianggap berbudibahasa, sekiranya, apabila ia melihat seorang wanita yang berpakaian merah menyala, ia berkata: 'wow!....., merahnya baju dia; nanti dikejar lembu baru tau'. Adalah lebih wajar baginya menegur: 'amboi, merahnya langit hari ini...'

Lazimnya wanita itu, jika ia belum menjadi ultra-moden, akan tersenyum, dan dengan senyuman itu tersemallah perasaan muhibbah.

Bahasa Melayu yang klasik kadang-kadang dilambangkan oleh keris yang berluk-luk dan berliuk-liuk, iaitu senjata pusaka Bangsa Melayu untuk mempertahankan diri — lambang kebesaran dan kemegahannya.

Perhatikanlah sebilah keris yang berlukluk. Hujungnya tajam — kiri kanannya juga tajam — dan dipangkalnya, di antara puting dan hulunya, yang lazimnya berukir indah, ada pula dua

'sengatnya', yang sungguhpun tidak tajam, tetapi boleh juga meremangkan bulu tenguk.

Sesungguhnya, bukanlah satu hal yang mudah hendak mengerti akan bentuk dan ragam-ragam ilham daripada sebilah keris Melayu, iaitu seperti juga tiada mudah hendak memahami dan menikmati kehalusan, ketajaman dan kesamaran yang disengajakan dalam jalinan Bahasa Melayu.

Oleh kerana sifat-sifatnya yang luarbiasa inilah, maka pepatah dan petitih Melayu lazimnya digelar 'tikaman bahasa' atau tujahan bahasa, ataupun cuit-gamit dan cubitan-cubitan bahasa.

Barangkali, pada zaman ini, akan lebih bermakna, jika tikaman-tikaman itu digelar pula 'accupungcha bahasa'.

Pada ketika-ketika yang lain, dalam keadaan-keadaan yang berlainan, Bahasa Melayu dilambangkan pula oleh sebilah serampang, tetapi bukanlah serampang yang menjadi lambang Dewa Laut — atau Neptune. Bagaimanapun, daripada serampang, kita mempusakai lagu 'Serampang Laut' dan satu tarian indah yang melambangkan para perwira gagah berani yang terkenal dengan nama 'Serampang Duabelas'.

Perhatikanlah sebilan serampang. Tarannya panjang dan lurus. Tetapi tiga matanya di pangkal taran itu adalah sangat tajam, dan ditambah pula oleh enam ceracap yang juga tajam.

Akan tetapi, untuk pergunaan hari-hari, untuk segala keadaan dan waktu, untuk membentuk masyarakat yang harmoni, untuk kerja dan tugasnya sebilang masa, maka Bahasa Melayu adalah dilambangkan oleh pisau raut.

Adapun pisau raut, sungguhpun kini jarang-

jarang dipakai lagi, adalah suatu alat hidup yang berguna, dan boleh dikatakan cantik. Ia tidak bongkok seperti 'Si Bongkok Tanjung Puteri', ataupun seperti 'The Hunchback of Notredam'. Yang sebenarnya pisau raut tidak bongkok tetapi lentik, meliuk.

Meskipun daripada pangkal hulunya hingga ke hujung matanya pisau raut itu tidak lurus, tetapi tugas utamanya ialah untuk meluruskan benda-benda yang tiada lurus, iaitu seperti rotan-rotan yang bengkok, beman dan buluh yang bongkok.

Dalam Bahasa Melayu ada beberapa ungkapan dan kata-kata sindiran mengenai sesuatu yang lentik, yang punya rautan dan lenggang lenggok yang cantik. Tetapi yang termasyhurnya ialah mengenai ikan belida, iaitu seperti dikata:

*Lagi bongkok, lagi lentik,  
Banyak tulang, banyak sisik,  
Tetapi bila menonong, sangat cantik.  
Amat menarik.....*

Sesudah mukaddimah yang agak klasik ini, kepada majlis yang bergema, tetapi sangat bersempena ini, benarkanlah patik berpantun serangkap dua. Pantun-pantun, kepada patik, adalah satu bentuk kesusasteraan Melayu yang sangat indah dan kuat pengaruhnya, istimewa kepada orang-orang Melayu dari jenerasi lama.

Pantun boleh menyampaikan perasaan kasih sayang, perasaan belas kasihan, duka nustapa, dan juga sebagai alat untuk menggambarkan aspek-aspek yang tertentu mengenai adatresam, mengenai masyarakat dalam masa-masa perkembangan bangsa

kita, dan juga untuk menegur hal-hal politik. Tetapi biasanya ialah untuk bersukaria, pada bila-bila masa, oleh sesiapa jua pun.

Dan sekarang izinkanlah patik mengingatkan semula satu pantun yang sangat indah, sangat masyhur, dalam Sejarah Melayu. Bunyinya begini:

*Dang Nila memangku puan,  
Berembang buah pedada  
Adakah gila bagimu tuan,  
Burung terhang dipipiskan lada?*

Lima ratus tahun yang lampau pantun ini telah digunakan oleh para pengarang dan penyair Melayu untuk menyindir dan memberi amaran kepada Raja-Raja Melaka yang lemah akhlaknya, yang sangat mudah dipengaruhi oleh wanita-wanita jelita sebagaimana yang tersebut kisahnya dalam Sejarah Melayu.

Dalam tahun-tahun tiga puluhan dan empat puluhan, 'burung yang telah dipipiskan lada' oleh raja-raja Melayu di zaman dulukala itu, telah diberi nama 'burung pesuruhjaya' sebagai lambang untuk berjuang untuk mencapai cita-cita kemerdekaan, kebebasan, keadilan dan kemakmuran.

Pantun itu tadi terus hidup, dan pada zaman ini boleh pula digunakan, khususnya oleh para siswa dan siswi, sebagai alat dorongan untuk berjaya dan mencapai tujuan mereka.

Tanpa kepandaian yang cukup, tanpa mengetahui sains dan teknoloji membuat dan memasang racik, misalnya, dan tanpa mempunyai denak yang garang dan nyaring suaranya — (artinya, tanpa inisiatif dan juga bekerja bersungguh-sungguh) — maka mereka tidak akan dapat

menangkap burung-burung yang baik, yakni kejayaan-kejayaan yang cemerlang.

Hanya satu jenis burung sahaja yang boleh ditangkap dengan mudah, iaitu Burung Tukang, atau Burung Tukang Cacat, yang pada malam-malam terang bulan, akan menyanyi lagu pop dua nada yang bunyinya: Kau, Kau, Kau....., Aku, Aku, Aku, daripada senja hingga ke pagi.

Tetapi apabila hari siang, maka kedua matanya pun rabunlah. Tetapi awas. Lebih baik jangan anda tangkap burung itu sebab rupanya huduh, baunya busuk. Burung yang bersikap individualist ini sangat bodoh dan pemalas.

Barangkali anak-anak zaman sekarang, termasuk siswa-siswi yang baru, dan juga yang sudah 'tidak berapa baru' lagi, yang ada hadir dalam majlis ini, ingin hendak mengetahui apakah pendapat patik mengenai puisi moden, atau yang kini lebih popular dengan nama SAJAK.

Baiklah, kalau begitu. Patik fikir Sajak tidak dapat mengambil-alih menggantikan Pantun. Tetapi Sajak juga boleh berguna, boleh memainkan peranan untuk kemajuan, keamanan, untuk muhibbah, perpaduan dan kebahagiaan.

Dan sekarang benarkanlah patik mendeklamasi sebuah Sajak yang patik telah gubah khusus untuk majlis ini, untuk menyimpul dan menutup ucapan patik hari ini:

*Bapak rugged, anak groovy.  
Sedang membiak di sana sini.  
Di pantai memakai bikini,  
Di kubur memakai mini.*

*Orang-orang kampung mengadap Kiblat,  
Mereka membaca komik-komik Barat;  
Bermain karate, ganti bersilat,  
Makan anggur, menggantikan langsat.*

*Gasing dibuang, dimajukan bowling.  
Berasmara mereka kata necking.  
Bercumbu-cumbu mereka kata pecking.  
Buang Mak Inang, menggantikan dancing.*

*Tetapi, bila bergula dalam kencing.  
Barulah teringat nak makan jering.  
Terkenang kepada petai dan kerdas,  
Barulah nak belajar mandi hadas.*

*Melayu bukan, Malaysian pun bukan,  
Cina bukan. Indian pun bukan.  
Inikah akar-akar yang mengaku rotan?  
Atau kaca-kaca yang mengaku intan?*



*Di saat keberangkatannya dari kem tahanan di Ipoh ke Kuala Lumpur untuk menemui Datuk Onn, teman-teman setahanan meraikannya. Di atas beliau bergambar dengan seorang teman karib, Sheikh Abdul Kadir. (Lihat halaman 23 - 25).*

## SUKA-DUKA PAK SAKO DALAM TAHANAN

oleh Adi Mas

PUKUL 4.00 pagi, 18 September, 1949. Pasukan konboi polis yang besar bergerak meninggalkan Kuala Lipis menuju Tanjung Beruas, Melaka.

Duapuluh-satu buah lori semuanya. Tiap-tiap sebuah lori beratnya tidak kurang dari tiga tan. Di dalamnya termuat antara sepuluh hingga duapuluh orang tahanan. Mereka dikawal dengan rapi.

Konboi besar itu didahului oleh dua buah kereta besi G.M.C. yang muncung brennya sentiasa ternganga lebar ke arah bukit-bukit dan gunung-gunung di sepanjang jalan Raub, Teras, Bukit Frazer, Kuala Kubu Baharu, Rawang dan Kuala Lumpur.

Pagi itu terlalu sejuk — sejuknya hingga menembusi tulang-tulang. Tetapi kerana anggota-anggota polis memakai baju tebal (sweater) maka sejuknya tidaklah terasa benar. Bagaimanapun orang-orang tahanan itu kelihatan menggil dan terus menggil sepanjang perjalanan.

Kami sedang memindahkan orang-orang tahanan politik di seluruh negeri Pahang dari penjara Kuala Lipis ke Tanjung Beruas, Melaka. Mereka kebanyakannya terdiri dari orang-orang muda. Hanya beberapa orang sahaja yang usianya

tidak lebih dari 45 tahun. Mereka ditangkap di beberapa tempat seperti Temerloh, Benta, Jerantut, Raub, Karak, Bukit Bentung, Tanjung Batu, Pesagi, Padang Tengku, Kuantan dan lain-lain lagi.

Antara mereka Pak Tehlah yang saya kenal. Pak Teh ditangkap di sebuah kampung dekat Benta. Dia saya kenal dalam lokap balai polis Kuala Lipis beberapa hari sebelum dipindahkan ke dalam penjara Kuala Lipis.

Ketika di dalam lokap polis, entah mengapa saya selalu memberikannya rokok dan apa-apa juga makanan yang diingininya. Walaupun itu suatu kesalahan tetapi saya lakukan juga secara diam-diam.

Pak Teh satu lori dengan saya ketika konboi itu memindahkan orang-orang tahanan ke Tanjung Beruas. Di dalam lori tempat mereka bersesak-sesak itu Pak Teh memakai songkok kelabu, kemeja tangan pendek, seluar panjang putih dan berkasut getah buruk.

Dalam perjalanan itu Pak Teh dan rakan-rakannya selalu merenung saya. Saya tahu mereka hendak bertanya: ke mana mereka akan dipindahkan? Kalau itulah yang hendak ditanyakan, kami tidak akan memberitahukannya.

Peristiwa itu sebenarnya sudah terlalu lama (1949, zaman penjajahan). Tetapi ia sentiasa segar dalam kenangan. Pak Teh adalah di antara beratus-ratus orang Pahang yang merasa megah dan bangga terhadap Pak Sako. Nama Ishak Haji Muhammad selalu bermain di bibir mulut mereka.

Sewaktu di dalam lokap polis Kuala Lipis, Pak Teh sudah terlalu banyak bercerita tentang Pak

Sako kepada saya. Bagi Pak Teh, Ishak Haji Muhammad ketika itu seolah-olah Chandra Bos atau Nehru kepada orang-orang India. Baginya juga Pak Sako ketika itu seperti Dr. Hatta dan Sukarno kepada orang-orang Indonesia.

Ketika matahari sedang memancar terang, hari sudah siang, konboi kami yang besar itu perlahan-lahan memasuki pekan kecil Teras yang kosong dan sunyi itu. Ramai penduduk di pekan 'hantu' itu mengunci ke luar.

Ada yang melarikan diri ke bandar-bandar besar seperti Raub, Kuala Kubu Baharu. Tetapi tidak kurang pula orang-orang muda (Cina) menjadi penyokong-penyokong pengganas masuk ke dalam hutan.

Apabila konboi itu betul-betul berada di tengah-tengah pekan kecil ini, tiba-tiba orang-orang tahanan yang kami bawa itu memekik: "Merdeka! Merdeka!"

Suara jerit pekik itu cukup lantang dan akhirnya diikuti oleh orang-orang tahanan yang lain dalam lori-lori besi tiga tan di belakang kami.

Pak Tehlah (lelaki yang sedang kami kawal dalam lori itu) orang yang pertama sekali memekikkan perkataan itu. Dia bangun dan mengangkat tangannya yang tergenggam itu tinggi-tinggi.

"Merdeka!" pekiknya, kemudian diikuti oleh kawan-kawannya yang lain.

Walaupun perkataan merdeka ketika itu tidak populer di kalangan orang-orang polis di zaman penjajahan itu, tetapi kami yang mengawal mereka tersenyum saja, dan sikap itu sungguh dimengerti-kan oleh orang-orang seperti Pak Teh.

Pada saya itulah kesan-kesan yang ditinggalkan

oleh pejuang-pejuang politik seperti Pak Sako. Pak Sako turut memainkan peranan dalam parti politiknya, Parti Kebangsaan Melayu Malaya, bersama-sama rakan politiknya menaburkan perjuangan menuntut kemerdekaan tanahair di mana 'Pak Teh' adalah salah seorang pengikutnya yang setia.

Pak Sako, atau Ishak Haji Muhammad, ketika itu menerima nasib yang sama dengan rakan-rakan politiknya. Pada tahun 1948 dia ditangkap di Taiping. Beliau ditahan selama dua hari dua malam di balai polis Taiping, kemudian dihantar ke Kuala Lumpur.

Di balai polis Jalan Campbell, Kuala Lumpur, Pak Sako ditahan selama 50 hari. Kemudian dimasukkan ke dalam penjara Pudu selama lima bulan. Dalam penjara tersebut beliau ditahan selama 100 hari dalam bilik gelap.

Pak Sako kemudian dipindahkan ke Khemah Tahanan Tanjung Beruas, Melaka, pada pertengahan tahun 1949. Dalam Khemah itu beliau dipilih menjadi ketua orang-orang tahanan Block G. Tiap-tiap blok terdiri dari lima buah bangsal, dan tiap-tiap sebuah bangsal boleh memuat kira-kira 120 hingga 150 orang tahanan.

Ketika konboi kami sampai di Tanjung Beruas kira-kira pukul 4.00 petang dan selepas menyerahkan orang-orang tahanan itu kepada seorang pegawai, kami dibenarkan tinggal di Tanjung Beruas selama satu malam.

Tuan W. Warman, Pegawai Pemerintah khemah tahanan orang-orang politik di Tanjung Beruas itu telah membenarkan saya melihat dari dekat orang-orang tahanan tersebut dan peluang

itu telah saya gunakan untuk berjalan-jalan dalam khemah tersebut sambil bertemu dengan beberapa orang tahanan itu.

Saya telah menemui Pak Teh, orang tahanan yang kami bawa dari Kuala Lipis, di khemah Blok K. Dalam blok inilah Rasyid Maidin ditahan.

Pak Teh kelihatan riang sekali. Berkali-kali dia menjabat tangan saya. Masih ingat lagi saya kata-katanya: "Nanti kita berjumpa lagi bila Malaya dah merdeka." Tetapi sehingga hari ini saya tidak pernah berjumpa dengan Pak Teh lagi.

Saya sampai di Blok G kira-kira pukul 6.00 petang. Orang-orang tahanan ramai sedang bermain volley-ball atau bola tampar dan sepakraga. Ada juga beberapa orang dari mereka bermain catur dalam khemah tahanan itu.

Saya bertanya kepada salah seorang warder yang menjaga khemah tersebut, mana satu orang tahanan bernama Ishak Haji Muhammad.

"Itu ha," katanya. Jarinya menunjuk seorang yang sedang memakai seluar pendek kuning, berselipar getah, sedang bermain bola tampar di padang.

Ketika itu rambutnya masih hitam. Dia lincah kelihatan. Sekali-sekali kelihatan dia tertawa selepas menampar bola ke sebelah lawannya. Itulah pertama kali saya melihat Pak Sako, seorang manusia yang diminati ramai oleh orang-orang seperti Pak Teh i.u.

Saya bimbang hendak menghampirinya. Sekali saja saya bercakap atau berbual dengannya, bontot saya pasti diekori oleh mata-mata gelap. Saya hanya memandangnya dari jauh, bukan saja kepada Pak Sako yang sedang bermain bola tampar

di situ tetapi juga saya nampak Encik Karim Bakar, pada satu masa dulu jadi orang kuat Parti Rakyat di Melaka dan Encik Rosdin Yaakub (sekarang Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor) berjalan-jalan di khemah tahanan Blok G itu.

Dalam khemah tahanan itu Pak Sako bukan saja lincah bermain bola tampar tetapi juga dia seorang yang pandai bermain catur. Dia boleh bermain catur beberapa lama. Itulah kerjanya selama dalam tahanan itu selain dari menulis karangan dan sebagainya.

Sebagai seorang pemimpin, dia sangat dihormati oleh orang-orang tahanan di khemah tersebut. Sifatnya yang lemah lembut, peramah, murah hati dan suka berjenaka itu banyak mempengaruhi orang lain.

Dalam khemah Blok G, yang kebetulan ramai orang tahanan politik dari Pahang (kebetulan Pak Ishak berasal dari Temerloh, Pahang) Pak Sako seolah-olah menjadi seorang presiden dalam sebuah negara orang-orang tahanan yang dipanggil 'Tanjung Beruas' itu.

Pak Sako dan rakan-rakan politiknya dalam khemah tersebut telah mengadakan pilihanraya di tempat tahanan itu. Mereka membuat beberapa kelompok, seolah-olah parti-parti politik layaknya, masing-masing dengan calun-calunnya, untuk bertanding merebut jawatan 'menteri' bagi mengendalikan pentadbiran 'negara' di khemah tahanan politik itu.

Ustaz Yunus Yatimi, sekarang bertugas di Angkasapuri, misalnya, pernah menang dalam pilihanraya tersebut dan dilantik menjadi 'menteri' dalam kabinet, dengan memegang jawatan 'menteri

ugama'.

Tetapi bagi Pak Sako sendiri, dia tidak memasuki mana-mana parti. Sebagai seorang 'presiden' dia hanya memerhatikan sahaja.

Terjadilah berbagai peristiwa lucu dan menggelikan hati. Misalnya, beberapa orang 'menteri' yang menang kadang-kadang tak sampai sebulan terpaksa dijatuhkan semula kerana 'tuduhan rasuah'.

Salah seorang dari rakan-rakan politik Pak Sako, yang telah menang dalam pilihanraya itu dilantik menjadi 'menteri makanan'. Menteri itu telah menggunakan kuasanya pergi ke kantin minum bir dengan percuma! Akhirnya dia dipecat atas tuduhan rasuah dan menyalahgunakan kuasa politiknya.

Kisah suka duka Pak Sako dalam tahanan tentulah terlalu banyak jika hendak dicatitkan tetapi satu fakta yang tidak diketahui oleh rakan-rakannya sendiri ialah bagaimana Pak Sako menulis surat secara diam-diam kepada Allahyarham Datuk Onn.

Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1952, ketika Pak Sako dipindahkan ke khemah tahanan di Ashbee Road, Ipoh, Perak. Ketika itu Allahyarham Datuk Onn menjadi Menteri Dalam Negeri, dilantik oleh Kerajaan British.

Surat Pak Sako kepada Datuk Onn itu menyatakan hasrat orang-orang tahanan politik Melayu kepada Kerajaan British supaya segera diadakan sebuah pusat pemulihan.

Pusat pemulihan itu hendaklah dibuat seberapa cepat untuk menghindarkan bahawa orang-orang tahanan Melayu selama ini adalah terbuang masa

hidupnya dengan sesia dan dengan ujudnya pusat pemulihan itu maka orang-orang tahanan itu akan dapat diberi didikan dan menjalani latihan-latihan hidup yang berguna apabila mereka dibebaskan kelak.

Pak Sako menyatakan kepada Datuk Onn, perjumpaan itu hendaklah diadakan di Kuala Lumpur, tetapi dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Ia mesti dibawa ke Kuala Lumpur dengan kapalterbang dan akan diantar balik ke Ipoh dengan kapalterbang juga.
2. Pegawai polis yang mengiringinya ke Kuala Lumpur itu mestilah terdiri dari seorang pegawai polis Melayu yang pangkatnya tidak kurang dari Inspektor.
3. Sebelum balik ke Ipoh, dia mestilah diberi kesempatan membeli-belah di bandar Kuala Lumpur.

Allahyarham Datuk Onn, selaku Menteri ketika itu, bersetuju menemui Pak Sako. Beliau telah diterbangkan ke Kuala Lumpur dengan diiringi oleh seorang pegawai polis Melayu, Inspektor Arifin.

Dalam rundingan dengan Allahyarham itu satu persetujuan telah diperolehi bahawa Kerajaan bersetuju mendirikan pusat pemulihan bekas orang-orang tahanan politik di Morib, Selangor.

Dalam tahun 1952, apabila Pusat Pemulihan itu telah didirikan, Pak Sako telah dipindahkan ke situ dan dipilih menjadi ketua siswa-siswa di situ.

Pak Sako, dalam tahun 1953, telah dibebaskan tanpa syarat dan telah diambil bekerja dalam Film Unit, tetapi dalam tahun 1955 beliau telah

meninggalkan jawatan tersebut dengan kerelaan hatinya sendiri dan kembali giat dalam lapangan penulisan di samping menjadi seorang ahli politik.

*Utusan Zaman,*  
10 Jun 1973.



Pak Sako jarang bergambar sewaktu dalam tahanan. Gambar di atas, yang diambil di kem tahanan Tanjung Beruas, Melaka, adalah di antara yang jarang dilakukannya itu. Pak Sako, berdiri nombor tiga dari kiri, kelihatan bersama Nazar Nong (mencangkung di hadapan), Mustafa Yunus (berdiri di kiri sekali, sekarang salah seorang pengarah Syarikat Kilang Kertas dan Baja) dan Rosdin Yaakub (nombor dua dari kiri, sekarang setiausaha politik Menteri Besar Selangor).



Bahagian Perancang Am,  
Jabatan Perdana Menteri  
Jalan Datuk Onn,  
Kuala Lumpur.

2hb Julai, 1973

Pak Seso yang dibersihkan,

Tahniah di atas penganugerahan Ijazah  
Kehormat Doktor Kesusastraan oleh  
Universiti Malaya.

*Ishak*  
~~(M. Ghazali bin Shafie)~~

Encik Ishak b Hj. Mohammad,  
Utusan Melayu (Malaysia) Berhad,  
Peti Surat 671,  
Jalan Chan Sow Lin,  
Kuala Lumpur.



MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
MINISTER OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS, MALAYSIA

Telpo: 25327

Kewat: HELIA KUALALUMPUR

Bilangan Surat: KPK/M/44

Bilangan Surat Tuan:

Tingkat 15,  
Bangunan Pejabat2 Kerajaan,  
Jalan Gurney,  
Kuala Lumpur.

Jhb. Julai, 1973.

Encik Ishak bin Haji Muhammad,  
d/a Utusan Melayu,  
Kuala Lumpur.

Tuan :

Saya mengambil peluang mengucapkan  
berbanyak tahniah kepada tuan diatas pengurniaan  
IJASAH KEDOKTORAN KESUSTERAN Yang Kehormat oleh  
Universiti Malaya baru-baru ini, diatas jasa tuan  
kepada Negara dan bangsa.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hamzah bin Haji Abu Samah".

(DATUK HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, SMK., SIMP.)

Drs. Tokandar Kamel (HBY)

D.L. LPT. SURJANA ALAMAT NO. 1. M.  
TANAH PUTIH  
JAKARTA  
Tele. 2202

Djakarta \_\_\_\_\_ 19

SURAT TAHIAH  
KEPADAA DOCTOR (SARJANA) ISRAK HJ. MUHAMAD.

Baudara Yang Berhormat,

Pada upacara pemberian gelar Doctor-Literature (Surjana Kaseh-teran) bagi Ince Ishak bin Hj. Muhammad oleh Universiti Melayu, se-ku sepu Iskandar Kamel (Ibrahim Haji Yusob) Surjana (Dr.) Ekonomi lulusan Universiti 17 Agustus 1945 (UNTAG) di Jakarta, dengan rasa terharu yang pernah dengan rasa syukur kehadiran Allah s.w.w., de-naga ini memberikan tahniah - hormat yang setinggi2nya kepada Dr. Ishak bin Hj. Muhammad (Isoko) teman superjuangnya sejak tahun 1930 sampai 1945 diulu, wisi telah bersama2 ikut bergerak dalam bidang kewarluwan/kesasteraan dan politik untuk membangkitkan semangat perjuangan keserdekaan nasional rekayat bumiputeri, de-naga menggunakan media kesasteraan bahasa Melayu melalui surat2 kabar, majalah2, buku2 dan surat2.

Dr. Ishak adalah seorang pejuang yang ikut memimpin Kesatuan Melayu Muda (K.M.M.), guna merintis (menjadi) perjuangan keserdekaan nasional Melayu yang dimulai berpuluhan tahun yang silam; berjuang untuk memutuskan runtuhan penjajah yang membelenggu manusia tuan ayer kita.

Justru itu, saya merasakan pada tempatnya dia, bilangan pada waktu Universiti Melayu mengangugerahkan gelaran Doctor pada Ince Ishak. Saya dari jauh diseberring laut, dengan ini menyatakan rasa hormat yang tinggi atas gelaran yang diberikan pada Dr. Ishak. Dan saya ikut menyatakan terima kasih kepada Pimpinan Universiti Melayu yang suci mengenang-juga dari pejuang tan yang pernah semangat pada meneruskan perjuangan dalam membangun komunitas kesasteraan bumi-puteri demi mempertahankan diri hidup dengan identiti nasional Melayu yang sejati.

Sebagaimana .....


Sebagai seorang Sarjana, saya yakin Saudara Dr. Ismail akan ikut serta mengawal diri menegakkan martabat Sarjana (Doctor) di segala bidang untuk berfikir secara murni-ratio berlandaskan ilmu pengetahuan (Scientific); memberikan idea penciptaan sesuatu menurut theory yang dapat dilaksanakan, dengan pernilian (judgement) yang berlandaskan analisa yang akurat. Dengan demikian setiap Sarjana bertanggung jawab menurut bidangnya; dalam mengembangkan kemajuan mental untuk meningkatkan kualiti manusia dan dalam perkrebsungan hidup yang berdasarkan pri-kemajuan secara adil yang adil.

Semoga Tuhan Yang Maha Esa sentiasa memberikan taufik dan hidayah-Nya bagi kemajuan kualitas rakyat bersetara dapat maju bersama dengan seluruh umat manusia di dunia ini.

Selamat bahagia Dr. Ismail bin Hj. Muhammad.

Hidup Universiti Malaysia !

Hormat dari saya,

  
Iskandar Kamal (IBHY)  
Dr. (Sarjana) Ekonomi.

EMBASSY OF THE REPUBLIC OF VIET NAM  
NO. 1, JALAN SULEIMAN, KUALA LUMPUR,  
MALAYSIA

Kuala Lumpur,  
29th June, 1973

Encik Ishak Haji Muhammad,  
c/o Utusan Melayu,  
46-M, Chan Sow Lin Road,  
KUALA LUMPUR.

Dear Encik Ishak,

It gave me great pleasure to learn that you have been conferred with the honorary degree of Doctor of Letters by the University of Malaya this morning in recognition of your valuable contribution to Malay literature, and I would like to take this opportunity to express to you my warmest congratulations and best wishes on this meritorious and outstanding award.

With kind regards, and wishing you continued success in the future.

Set  
Monday 27

Yours sincerely,  
ZM

NGUYEN - QUY - BAN  
THIRD SECRETARY

# Yale University

New Haven, Connecticut 06520

## DEPARTMENT OF SOCIOLOGY

No. 29, Jalan 5/7,  
Petaling Jaya, Selangor.  
26 hb. Jun 1973

Encik Ishak Hj. Muhammad,  
d/a Utusan Melayu (Malaysia) Berhad,  
46M, Jalan Lima, Jalan Chan Sow Lin,  
Kuala Lumpur.

Saudara,


Bagi sebahagian Jabatan Sosiologi di Universiti Yale, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Pak Ishak diatas anugerah ijazah penghormatan doktor kesusastraan pada akhir bulan ini. Sungguh pun begitu, biarlah saya membuat satu pengakuan kepada Pak Ishak: apabila saya mula-mula dapat tahu melalui ruangan akbar tentang anugerah tersebut, saya berasa cemburu sedikit kerana saya sendiri sedang berusaha untuk mendapatkan ijazah Ph.D. itu dalam bidang sosiologi. (Saya tengah menyiapkan disertasi berkenaan dengan peranan golongan intelektual di Malaysia, sasterawan-sasterawan, penulis-penulis lain, wartawan-wartawan dan sebagainya.)

Akan tetapi, selepas saya duduk merenungkan perjuangan yang telah dan sedang dilakukan oleh Pak Ishak itu, saya baru sedar bahawa, walaupun saya akan berusaha selama 100 tahun, saya tidak akan selayak Pak Ishak untuk menerima ijazah tertinggi itu! Jadi, sekali lagi, dengan ikhlas hati saya mengucapkan tahniah.

Terima kasih, dan maafkan saya jika sekiranya didapati apa-apa kesalahan bahasa di dalam surat saya ini.

Saya harap kita dapat bertemu pada masa yang akan datang.

Sahabat muda dari barat,

  
Daniel Regan  
Universiti Kebangsaan  
(Pensyarah Sambilan, mulai penggal II)

258 B, Batu 7½  
Jalan Ulu Klang  
Punggong,  
Kuala Lumpur.

12hb. Jun, 1973.

YM Encik Ishak bin Haji Mohamed,  
Jalan Ulu Langat, Batu 9,  
Cheras,  
KUALA LUMPUR.

KASANS.

Saya bagi pehak rakan-rakan dan anak-buah Bapak sekalian yang terdiri daripada orang-orang yang jahil dan hina seperti George, Warren, Sam, Long John, Cheam, Cindy, Sharron, Julie dan ramai lagi tidak terbilang belengannya, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan kesyukuran kepada Tuhan yang maha kuasa atas kemuliaan yang telah dianugerah kepada Pak Cik iaitu satu pengiktirafan atas jasa-jasa baik Pak Cik kepada negara dan kesusaasteraan apabila Pak Cik akan mendapat kurniaan Dr. of Letters sedikit hari nanti.

Kesukaan kami adalah tidak terhingga dan ini telah menjadi buulan kami sekalian di mana-mana sahaja kami berkumpul baik di Fitzpatrick VIP Lounge atau di kelab-kelab lain hingga beberapa hari lamanya. Kami berasa terharu sedikit oleh kerana nampaknya peluang bagi kami tidak ada untuk menghadiri konvokeyen ini tetapi ini tidaklah penting kepada kami. Namun demikian, saya bagi pehak rakan-rakan yang tersebut tadi sangat-sangat berhajat untuk mengadakan sedikit perayaan iaitu satu "get together" di antara kami sekalian untuk meraikan Pak Cik yang kami kasih. Dengan itu, harap dapat Pak Cik menghubungi saya talipon nombor 206632 atau Warren tel: 21424 ataupun George tel: 204511 samb. 228 dan menetapkan hari yang Pak Cik ada kelapangan. Harap beri tempoh buat dua minggu supaya ini tidak akan bercanggah dengan rancangan-rancangan yang melibatkan tugas kami. Segala-galanya bagi perjumpaan ini akan kami selanggarakan sesama kami secara (stag).

Adalah diharap, Pak Cik sungguhpun sudah menjadi seorang yang terkenal sebagai seorang hero negara yang didewa-dewakan dengan penuh keazaman pada hari ini, tidak akan menjecewakan harapan kami ini.

Wassallam dan diiringi dengan ucapan kasih sayang dari kami sekalian.

Yours ever,

(Signature)

(Kamaruzzaman bin Abd. Halim)

MALAYA

IA

IRAWANAH DIPLOMAT CARE PROF UMNO AND UNIVERSITY OF  
MALAYA.

KUALA LUMPUR

YOUR STOLEN JAPAN CANNOT BE WIPED AWAY BY PETTY MINDED  
BUREAUCRATS IT HAS BEEN HONORED BY ANTI COLONIAL  
PATRIOTS FOR MANY YEARS IN OUR HEARTS AND MINDS WITH AFFECTION

A. R. KATEE





*Keluarga Pak Sako yang sentiasa gembira bergambar di hadapan pejabat Utusan Melayu selepas penganugerahan ijazah. Di kiri sekali isterinya, Puan Aishah Haji Husin. Dua orang anak mereka ialah Jamilah Ishak, kanan dan Hasnah Ishak, berdiri di hadapan.*

## CINTA ORANG TUA

oleh *Malungun*

PERTEMUAN antara dua orang tahanan politik di Tanjung Beruas pada suatu hari dalam tahun 1950 itu adalah pertemuan yang amat menggembirakan. Kedua tahanan bersaudara itu, Ustaz Yahya Nasim dan abangnya Haji Said, tidak menyangka yang adik mereka, Aishah Haji Husin akan turut bersama.

Seperti biasa ibu mereka membawa buah-buahan dari kampung mereka di Ulu Langat. Dan seperti biasa juga tahanan-tahanan lain memandang dari jauh, menunggu pelawat-pelawat ini pulang segera supaya mereka dapat turut sama menjamu selera.

Tetapi seorang dari mereka tidak sanggup memandang dari jauh sahaja. Dia memang peramah dan senang bergaul dengan siapa saja. Umurnya sudah meningkat empatpuluhan ketika itu. Tetapi rupanya kacak, perawakannya menarik dan pengalamannya yang banyak dan beranika sebelum itu menjadikannya lebih terkenal.

Tahanan ini menghampiri keluarga yang berbual mesra itu. Dengan tidak menunggu-nunggu lagi dia memperkenalkan dirinya sendiri. "Saya

Ishak Haji Muhammad," katanya. Tetapi, walau-pun jika dia tidak mengenalkan dirinya, pelawat-pelawat ini tahu siapa sebenarnya dia.

Puan Aishah menjeling dengan ekor matanya. Hatinya tertarik dengan rupa, perawakan dan kelucuan Ishak. Tetapi dia tidak berani memandang tepat. Ibu, dan dua orang abangnya ada bersama. Dan memang bukan resminya senang berbual dengan lelaki.

Tetapi apabila mereka hendak meninggalkan khemah tahanan itu, hati Puan Aishah merasa duka juga. Mereka telah meninggalkan buah tangan kepada dua orang abangnya. Ishak memandang sahaja buah tangan itu. Dan tidak ada lagi buah tangan yang hendak diberi kepadanya.

Akhirnya Puan Aishah mengeluarkan wang dua ringgit dari tas tangannya. Dua keping wang itu dihulurkannya kepada Ishak, yang segera menerima dengan penuh hormat dan kata-kata manis yang berjenaka.

Pertemuan pertama kali itu rupanya adalah pertemuan bersejarah yang akhirnya mengikat kedua manusia ini ke dalam satu keluarga yang bahagia.

Ishak menyimpan kedua keping wang kertas itu di bawah bantalnya. Malam itu dia tidak dapat tidur dengan lelap. Dan tidurnya penuh dengan mimpi yang manis. Dalam hatinya tetaplah sudah: jika dia akhirnya dibebaskan nanti, inilah wanita yang bakal menjadi isterinya.

Apabila sampai di Ulu Langat, Puan Aishah pula segera pergi ke rumah ibutirinya, Puan Sitiawan, yang dipanggilnya Mak Muda. Kepada-nyalah dia selalu mengadukan perkara-perkara yang

sulit, dan darinya jugalah dia selalu mendapat sokongan moral.

"Matanya nakal," katanya. "Selalu sangat memandang saya. Tak ada silu-silu depan abang dan emak."

Puan Sitiawan tersenyum. "Agaknya dia suka kau," katanya.

Selepas itu Puan Aishah tidak pernah mengikut ibunya pergi melawat abangnya di khemah tahanan itu lagi. Ibunya cuma ditemani oleh kakaknya pula, Puan Halijah.

Tetapi setiap kali Puan Halijah melawat Ustaz Yahya dan Haji Said di Tanjung Beruas, Ishak Haji Muhammad segera pergi mendapatkan-nya. Dan tiap kali itu pertanyaan yang pertama keluar dari bibirnya ialah tentang Puan Aishah. Segalanya ini disampaikannya semula kepada adiknya apabila dia kembali ke Ulu Langat.

Cuma sekali dua sahaja Ishak menulis surat, yang disampaikan melalui Puan Halijah juga. Tetapi surat-surat itu adalah surat biasa saja. Memang ada kata-kata pujian di dalamnya, tetapi itu adalah kebiasaan Ishak. Dia suka berjenaka, dan akan mencari jalan memuji tiap orang yang ditemuinya.

Kemudian Ishak lebih berterus-terang. Apabila Puan Halijah datang melawat lagi, dia menyatakan hasratnya untuk beristerikan Puan Aishah apabila dia sudah bebas dari tahanan nanti. Dia meminta supaya Puan Halijah menyampaikan perkara itu kepada Puan Aishah.

Ketika Puan Aishah mendengar berita itu, hatinya menolak. Bukan dia tidak suka kau Ishak. Wajahnya tetap terbayang di kepalanya. Tetapi

dia tidak berani hendak berumahtangga lagi. Sudah dua kali dia mendirikan rumahtangga. Kedua-duanya gagal dalam masa yang singkat.

Dia juga sudah mendengar banyak cerita tentang Ishak Haji Muhammad. Dia tahu beliau juga telah beristeri dua kali. Tulisan-tulisannya banyak menunjukkan latarbelakangnya yang terlalu bebas. Apakah nanti dia boleh sesuai dengan orang ini?

Ibutiri dan kakaknya memujuknya supaya menerima. Mereka yakin Ishaklah orang paling sesuai baginya. Memang mereka sedar bahawa sekarang dia dalam tahanan, bahawa dia tidak punya pangkat apa-apa, tidak juga orang yang kaya.

Tetapi mereka mananamkan harapan untuk masa hadapannya. Mereka yakin suatu hari nanti cita-citanya akan berjaya juga. Lebih-lebih lagi mereka percaya bahawa Puan Aishah akan selamat dalam tangan Ishak Haji Muhammad, bahawa masa hadapannya tidak akan tersia-sia lagi.

Bagaimanapun Puan Aishah meminta untuk berfikir. Dan tempohnya berfikir itu terlalu lama. Ishak dipindahkan ke khemah tahanan di Ipoh, di mana dia menulis surat secara rahsia kepada Datuk Onn yang akhirnya membawa kepada terdirinya khemah pemulihan bekas tahanan di Morib. Beliau sendiri tidak lama kemudian dipindahkan pula ke Morib mengetuai 'siswa' tahanan di sana.

Dalam pertengahan 1953 Ishak dibebaskan dari tahanan tanpa syarat. Dia ditawarkan bekerja dengan Film Unit. Inilah peluang yang besar baginya untuk mengabadikan hasratnya.

Dengan meminjam sebuah kereta kawan dia

pergi ke Ulu Langat, berpura-pura melawat ke rumah kawannya di sana. Di Ulu Langat dia menghantar wakil bertemu dengan Puan Aishah, mempelawanya keluar malam itu ke Kuala Lumpur.

Mak Muda Puan Aishah menggesanya supaya menurut. "Jangan terlalu kolot," kata orang tua itu.

Puan Aishah tidak dapat menolak. Tetapi dia meminta Mak Mudanya turut serta dengan syarat orang tua itu tidak akan bercakap apa-apa dengan Pak Sako. Puan Sitiawan menurut saja. Dia sudah berunding dengan ibu kandung Aishah, Puan Tahayat binti Jahumala. Beliau telah menyerahkan urusan memujuk Aishah supaya bersetuju menerima Ishak sebagai suaminya.

Dengan kereta itu Ishak membawa mereka ke Kuala Lumpur. Sepanjang jalan Ishak berbual dan berjenaka. Aishah dan Puan Sitiawan membisu. Di Kuala Lumpur Ishak membawa mereka ke warung makan di Jalan Campbell. Aishah tidak mahu makan apa-apa, walaupun Ishak memujuk. Puan Sitiawan juga menurut telatah anak tirinya itu. Mereka cuma minum airbatu kacang segelas seorang.

Menceritakan kembali kisah ini duapuluh tahun kemudian, Puan Sitiawan tidak dapat menyembunyikan airmatanya. "Aku terpaksa mengikut saja," katanya. "Kalau tidak Esah marah. Nanti hatinya lebih keras."

Ketika makan minum itu Puan Sitiawan nampak tangan Ishak meliar saja. Ada saja yang hendak dipegangnya. Dan akhirnya tangan itu mencapai tangan kanan Puan Aishah. Dia mengurut jarinya yang halus itu.

"Inilah jari yang hendak kubelikan cincin," katanya berjenaka. Puan Aishah segera merentangkan tangannya.

"Kemudian Cik Sahak mengajak kami menengok wayang," cerita Puan Sitiawan lagi. "Tapi Esah tak mau. Degil sungguh. Aku perhatikan muka Cik Sahak. Dia tertawa saja. Tapi aku tau rasa hatinya. Bak kata pantun:

*Anak pandan dalam pasu.  
Ditanam anak Radin Puteri.  
Sakitnya badan menanggung rindu.  
Melihat puteri tidak peduli."*

Apabila gagal lagi hendak membawanya ke tempat joget di Jalan Bukit Bintang, Ishak akhirnya menghantar mereka pulang ke rumah. Tetapi ini tidak berarti dia putus asa. Beberapa hari kemudian dia menghantar utusan meminang.

Hati Aishah rupanya rapuh juga. Dia akhirnya menerima. Masing-masing pihak tidak mempunyai wang. Mereka bersetuju untuk bersederhana sahaja. Dan pertunangan itu cuma memakan tempoh sepuluh hari saja!

Pak Sako bersedia sekadarnya. Kawan-kawannya segera datang membantu: Samad Ismail, Wahab Majib, Salleh Daud, Dahari Ali, Allahyarham Rahman Rahim dan lain-lain. Bersama-sama mereka membelikan pakaian. Pak Sako membeli sebuah beg second-hand untuk tempat pakaiannya.

Dan pada suatu malam bulan puasa, dalam bulan Julai 1953, kawan-kawan rapat ini mengiringi Pak Sako ke Ulu Langat....

Dua puluh tahun kemudian, pada suatu petang pertengahan Jun 1973, Ishak Haji Muhammad

pulang ke rumah dan memberitahu isterinya, Puan Aishah. "Kita akan menerima hadiah ulangtahun perkahwinan kita yang keduapuluh," katanya.



*Permainan catur adalah permainan yang sangat digemari oleh Pak Sako dan teman-temannya sewaktu dalam tahanan. Gambar menunjukkan dua orang tahanan sedang bermain catur di kem Tanjung Beruas.*

Agrama  
S.M.K.P  
J.K.A.

Dato Dr. Sako

Saya dan adik saya Shahman  
Ucapkan tahniah kepada dato kerang  
Dapat ijazah Doktor dari  
U.M.

Saya juga ucapkan terima kasih  
kerana dato casikan semula guli getah  
saya

Shahrizan Molungun

## PAK SAKO DENGAN KANAK-KANAK

DALAM pidato penghargaannya terhadap penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan kepada Ishak Haji Muhammad, Encik Khoo Kay Kim berkata bahawa "... beliau populer di kalangan rakyat sehingga kanak-kanak di kampung pun suka berkumpul di keliling Ishak Haji Muhammad kerana beliau memang seorang pencerita yang tiada tolok bandingnya."

Surat yang tertera di sebelah adalah satu daripada buktinya. Surat ini adalah di antara beratus-ratus surat dan kawat tahniah yang diterima oleh Pak Sako di rumahnya dan di pejabatnya, Utusan Melayu.

"Guli getah" yang dikatakan oleh anak ini dalam suratnya itu mempunyai cerita yang tersendiri. Kira-kira sebulan sebelum Pak Sako menerima ijazahnya, ibubapa anak ini berkunjung ke rumahnya. Dua orang anak mereka turut bersama.

Shahrizan, dan adiknya Shahman, sudah begitu mesra dengan Pak Sako beberapa lama sebelum itu. Mereka memanggilnya "Datuk Magic" kerana tiap kali dia berkunjung ke rumah mereka, dia akan mengajar mereka suatu silap-mata sebelum bercerita atau menyanyi bersama mereka.

Hari mereka berkunjung ke rumah Datuk Magic ini, Shahrizan membawa sebijji getah

pemadam yang berbentuk seperti guli. Getah itu baharu dibelinya di sekolah hari itu. Kerana terlalu gembira bermain di rumah Datuk Magic ini, getah itu terjatuh.

Datuk Magic dan dua orang anak perempuan-nya cuba mencari. Tetapi hari sudah malam. Di rumah Datuk Magic tidak ada lampu letrik. Shahrian agak sedih. Tetapi Datuk Magic berjanji akan mencarikannya sampai dapat.

Malam itu mereka pulang ke rumah membawa rambutan, tebu, pisang, pucuk ubi dan lain-lain dari rumah Datuk Magic, dan perkara guli getah itu lalu dilupakan begitu sahaja.

Pada hari konvokesyen, ibubapa anak ini mengiringi Pak Sako. Mereka mengambilnya ke rumah, membawanya ke Universiti, dan kemudian petang itu menghantarnya semula ke rumah. Waktu itulah tiba-tiba Datuk Magic teringat akan guli getah tersebut.

Dia telah menjumpainya sehari sesudah guli itu hilang dan menyimpannya baik-baik. Tetapi dia terlupa hendak memulangkannya ketika dia ke Kuala Lumpur tiap hari. Petang hari konvokesyen itu dia memberinya kepada ibubapa anak itu untuk disampaikan dengan segera.

Apabila ibubapanya pulang dan memberikan semula guli getah yang sudah dilupakan itu, anak tersebut menangis. Dia kesal kerana ibubapanya tidak membawanya bersama. Dia ingin mengucapkan tahniah dan menjabat tangan orang tua itu ketika memakai jubah ijazah.

Tetapi dia tidak putus asa. Diam-diam dia menulis surat, menggam sampulnya ketat-ketat, dan memaksa bapanya menyampaikan surat itu

kepada Datuk Magic secepat mungkin. Malam itu kebetulan ada jamuan meraikannya oleh anggota Jabatan Pengarang Utusan Melayu.

Si Bapa membawa surat anaknya. Di akhir jamuan Datuk Magic membuka surat. Dia mengesat matanya selepas membaca surat itu.

Bukan dengan anak ini saja dia amat mesra. Dengan anak siapa juapun dia lekas mesra. Ketika berjalan-jalan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, atau membeli-belah di Ampang Park, atau Supermarket, anak-anaklah yang cepat menarik perhatiannya.

Dia menegur, dia mengusap rambut, dia memujuk yang menangis, dia memberi mereka coklat. Di Utusan Melayu, setiap anak gadis dianggapnya anak jua. Dia membawakan apa sahaja untuk mereka tiap pagi: jemput-jemput pisang, rambutan, apam dan sebagainya.